

**Terima secara terbuka calon dipilih parti - Mustapa  
Utusan Online  
11 Jun, 2012**

JELI 10 Jun - Semua pemimpin terutama Ketua UMNO bahagian di negeri ini diminta supaya menerima dengan terbuka sesiapa sahaja yang dipilih untuk menjadi calon bagi mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, semua pihak perlu bekerja sebagai satu pasukan dan setia kepada parti sekiranya mahu mencapai kejayaan.

Beliau berkata, tidak perlu timbul pertikaian mengenai calon yang dipilih oleh pucuk pimpinan kerana dia merupakan individu terbaik mewakili BN dan seterusnya mencatatkan kejayaan.

"Saya harap semua pemimpin termasuk ketua bahagian mengambil sikap terbuka, apa jua pilihan Perdana Menteri untuk menjadi calon adalah orang terbaik daripada kita, kalau kita mahu mencapai kemenangan dan pentingkan parti lebih daripada diri maka tidak ada sebab untuk mengkhianati perjuangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perayaan Hari Guru Ke-41 Peringkat Negeri Kelantan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Pelajaran Kelantan, Hussain Awang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Bunga, Mohd. Adhan Kechik.

Pada majlis tersebut, bekas Ketua Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Kelantan, Ab. Razak Mat Saat; bekas Pengetua Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Wan Hamzah Wan Daud; bekas Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Kota, Mohd. Nawawi Min dan bekas Penolong Kanan Sekolah Menengah Kebangsaan Jelawat, Zaharah Abd. Rahim dipilih sebagai Tokoh Guru Kelantan.

Akhbar hari ini melaporkan Pengerusi Lembaga Disiplin UMNO, Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail menyatakan keyakinan BN mampu merampas semula Kelantan daripada Pas dengan syarat unsur-unsur 'cah keting' yang selalu menjadi amalan golongan kecewa, dibuang sepenuhnya.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, perkara itu juga merupakan ingatan Perdana Menteri kepada semua ahli dan para pemimpin supaya bersatu padu serta tidak mengulangi sejarah silam.

"Ini adalah ingatan Perdana Menteri kepada kita semua dan bergerak sebagai satu pasukan, kita perlu menyokong rakan seperjuangan yang dipilih oleh parti, bukannya individu dan tokoh tertentu.

"Harap semua pemimpin di pelbagai peringkat akur dengan keputusan Perdana Menteri, kita bersatu dan berjuang sebagai satu pasukan," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya apakah akan ada ketua bahagian yang tidak dipilih sebagai calon, beliau berkata, sehingga kini pemilihan calon belum dimuktamadkan lagi.

"Pelbagai perubahan boleh berlaku sekarang tetapi apa yang penting kita menyokong keputusan yang dibuat," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0611&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_11.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0611&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_11.htm)